

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2023, VOL 6, Bil 2, Halaman 35-50

Kemahiran Ilmu Qiraat Berdasarkan Pengajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Kelas Kemahiran Al-Quran

Qiraat (Recitation) Skills Based on 21st Century Learning Among Teachers of Qur'anic Skills Classes

**Aini Haslina Abdul Hamid ^{1*}, Mohamad Khairi Hj Othman¹ & Mohamad Khadafi
Hj Rofie²**

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.

² Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.

* Corresponding Author: Aini Haslina Abdul Hamid. Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia, e-mail ainihaslina@gmail.com, 012-5516860.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the level of Qiraat skills based on 21st-century teaching among teachers of Quranic Skills Classes (KKQ) in Kedah. This study was conducted using a set of questionnaires that were completed by 42 randomly selected KKQ teachers from various secondary schools in Kedah. Quantitative data from this questionnaire was analyzed descriptively using SPSS version 26.0 to obtain frequency, percentage, mean, and standard deviation. The Qiraat skills instrument contains 30 items and four skill dimensions (planning the teaching, implementation of the teaching process, implementation of the teaching methods, and reflection). The skill level was measured with a 5-point Likert scale ranging from "very unskilled" to "very skilled". The pilot study showed that the Qiraat skills Cronbach Alpha value among KKQ teachers was at the best level, which was $\alpha = 0.938$. For skill items, the Cronbach Alpha value for the first element of planning the teaching skills was $\alpha = 0.962$, the second element of teaching process implementation skills $\alpha = 0.956$, the third element of teaching method implementation skills $\alpha = 0.859$, and the fourth element of reflection skills was $\alpha = 0.848$. On the whole, the findings showed the level of KKQ teachers' Qiraat Skills was at a moderately high level with a mean value of 3.84 and a standard deviation of .50. In conclusion, all parties, especially KKQ teachers, should improve their knowledge and skills related to 21st-century teaching in Qiraat to produce excellent human capital in the future.

Keywords

Skills; Qiraat Knowledge; 21st Century Teaching; Teachers of Quranic Skills Classes (KKQ)



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kemahiran Ilmu Qiraat berdasarkan pengajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di Kedah. Kajian ini dilakukan menggunakan set soal selidik yang telah dilengkapkan oleh 42 orang guru KKQ dari pelbagai sekolah menengah di Kedah yang dipilih secara rawak. Data kuantitatif daripada soal selidik ini dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS versi 26.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Instrumen soal selidik tahap kemahiran Ilmu Qiraat mengandungi 30 item dan empat dimensi kemahiran (merancang pengajaran, pelaksanaan proses pengajaran, pelaksanaan kaedah pengajaran dan refleksi). Tahap kemahiran diukur dengan skala likert 5 mata yang terdiri daripada “Sangat tidak mahir” kepada “Sangat mahir”. Hasil dapatan kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach Alpha bagi tahap kemahiran Ilmu Qiraat dalam kalangan guru KKQ berada pada tahap terbaik iaitu ($\alpha = 0.938$). Bagi item kemahiran, nilai Cronbach Alpha bagi elemen pertama kemahiran merancang pengajaran dengan nilainya iaitu ($\alpha = 0.962$), elemen kedua kemahiran pelaksanaan proses pengajaran ($\alpha = 0.956$), elemen ketiga kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran ($\alpha = 0.859$) dan elemen keempat kemahiran refleksi ($\alpha = 0.848$). Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan tahap kemahiran Ilmu Qiraat guru KKQ berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.84 dan sisihan piawai .50. Kesimpulannya semua pihak terutamanya guru KKQ harus mempertingkatkan ilmu kemahiran berkaitan pengajaran abad ke-21 dalam bidang Ilmu Qiraat agar dapat melahirkan modal insan cemerlang di masa hadapan.

Kata Kunci

Kemahiran; Ilmu Qiraat; Pengajaran Abad ke-21; Guru Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ)

1.0 PENGENALAN

Salah satu bidang keilmuan al-Quran ialah Ilmu Qiraat yang menjadi perbincangan dari segi kaedah membaca al-Quran. Qiraat adalah suatu ilmu yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan al-Quran dan merupakan salah satu khazanah ilmu umat Islam yang sangat berharga. Islam amat menitikberatkan mendidik manusia berpandukan al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Ia bertujuan beroleh kepercayaan, watak seseorang tentang kehidupan menjadi hamba Allah yang bertanggungjawab mengembangkan dirinya untuk mencapai kebaikan dalam kehidupan ini dan kemakmuran di akhirat.

Pengajaran yang berkualiti akan terhasil apabila seorang guru mempunyai kemahiran tentang pelbagai kaedah dalam pengajaran. Pendekatan pengajaran pembelajaran berpusatkan guru dan murid yang dibina berdasarkan paradigma 4K 1N adalah apa yang ditakrifkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Kreativiti, kritis, kolaboratif, komunikasi dan nilai dan etika adalah lima komponen konsep 4K 1N. Penekanan kepada murid dalam proses pembelajaran adalah matlamat utama pendidikan pada abad ke-21 (Mashira et al, 2019). Guru memupuk penyertaan murid yang aktif di dalam bilik darjah dengan bertindak sebagai fasilitator pembelajaran abad ke-21. Mata pelajaran Ilmu Qiraat akan lebih bermakna dan afektif apabila guru KKQ cekap dalam menggunakan kemahiran pengajaran yang bersesuaian dengan konsep amalan pengajaran abad ke-21.

Pendekatan yang digunakan untuk mempelajari Ilmu Qiraat ialah dengan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* iaitu berhadapan terus dengan guru dan memerhatikan mulut, lidah dan bibir guru sambil melafazkan ayat-ayat al-Quran (Mohd Shakir & Mohd Farid, 2021). Oleh itu, Khalifah Uthman r.a. menghantar seorang qari yang Qiraatnya bersesuaian dengan *mushaf* yang dikirimkan ke daerah-daerah tertentu. Mereka yang diutuskan terdiri daripada para sahabat yang



mahir tentang cara bacaan Rasulullah SAW.

Fenomena perkembangan pengajian Qiraat di negara ini dapat dilihat sejak beberapa dekad yang lepas. Ini ditunjukkan oleh fakta berkenaan kelas KKQ mula berkembang di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta terhadap kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajian Qiraat (Abdul Jalal, 2019). Malahan subjek Qiraat juga diterapkan kepada murid di peringkat menengah menerusi Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ). Tidak dinafikan bahawa hal ini menunjukkan betapa pentingnya mempelajari Ilmu Qiraat kerana ia merupakan sebahagian bidang ilmu berkaitan dengan al-Quran.

Teknik mempelajari al-Quran boleh dirujuk kepada Baginda SAW sebagai contoh terbaik, sempurna dan seorang yang mahir dengan al-Quran. Akhlak baginda yang bertepatan dengan al-Quran perlu dihayati dan diterjemahkan dalam hidup kita. Dengan itu, matlamat utama kita mempelajari al-Quran iaitu untuk pengamalan dan penghayatan akan tercapai.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Ilmu dan kemahiran merupakan aspek yang perlu kepada setiap guru. Penguasaan ilmu tentang kemahiran akan memudahkan guru-guru mengendalikan kelas secara berkesan. Pengajaran berkesan merupakan aspek penting bagi melahirkan modal insan berkualiti. Guru adalah berperanan penting dalam proses pendidikan dan keperibadian mereka menjadi ikutan kepada anak didik. Walaupun tuntutan keperluan yang tinggi terhadap kecemerlangan guru, masih terdapat beberapa kajian yang memperlihatkan kualiti kemahiran Ilmu Qiraat guru KKQ yang kurang memuaskan (Azmil & Jahidih, 2015). Dalam kajian ini, kemahiran guru adalah merujuk kepada kemahiran merancang pengajaran, kemahiran pelaksanaan proses pengajaran, kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran dan kemahiran refleksi dalam pengajaran abad ke-21 bidang Ilmu Qiraat.

Usaha memupuk kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid agak sukar kerana murid-murid mempunyai perbezaan dari segi pengetahuan sedia ada, minat, motivasi dan gaya pembelajaran. Dalam menentukan keberkesanan sesuatu teknik atau strategi pengajaran, faktor penyumbang kepada kejayaannya adalah dengan melihat sejauh mana kemahiran seseorang guru melaksanakannya. Dalam kajian Mohd Faez Illias et al. (2017) mendapati kebanyakan guru yang bekerja di semua sekolah agama JAIS adalah guru bukan siswazah dan sebahagian besarnya tidak terlatih. Di samping itu, sebahagian besar guru yang bekerja di sekolah agama JAIS dilantik ke jawatan kontrak atau sementara sahaja kerana mereka tidak memiliki Diploma Pendidikan, yang merupakan syarat utama untuk dilantik ke jawatan tetap dan berpcen dalam profesion perguruan. Kekurangan latihan menjejaskan kapasiti dan keberkesanan guru dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab tugas pengajaran yang terhad, yang mungkin membawa kepada hasil kerja yang kurang memuaskan (Mohd Faez Illias et al., 2017).

Dapatan kajian Jessica Dora Henry dan Zamri Mahamod (2021) mendapati tahap penerapan amalan 4K pengajaran abad ke-21 dalam kalangan guru berada pada tahap sederhana. Hasil dapatan ini bercanggah dengan Rohani et al. (2019) yang mendapati tahap amalan guru yang mengamalkan 4K 1N adalah tinggi. Ini dipersetujui oleh Mashira et al. (2019) menghuraikan pengajaran abad ke-21 berjaya dilaksanakan di sekolah rendah. Tetapi menurut kajian Jessica Dora Henry dan Zamri Mahamod (2021), guru yang menerapkan konsep 4K berada



pada tahap sederhana. Amalan kolaborasi pula paling kurang diterapkan oleh guru semasa proses PdP dilaksanakan. Ini berdasarkan hasil soal selidik oleh 150 responden yang terlibat. Tahap penerapan yang sederhana menunjukkan bahawa PdP guru tidak dimanfaatkan sepenuhnya berdasarkan konsep 4K iaitu kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan komunikasi. Isu ini membimbangkan kerana aplikasi pengajaran abad ke-21 bukanlah hanya menekankan teknologi semata-mata, namun memberi penekanan juga kepada konsep 4K (Muhammad Sabri et al., 2020).

Kemahiran merancang adalah keperluan untuk mencapai matlamat PdP. Setiap kejayaan aktiviti menentukan objektif pelajaran, kandungan pengajaran, teknik dan kaedah pengajaran, aktiviti PdP, pemilihan dan penyediaan bahan pelajaran dan pengurusan kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran. Menurut Razila et al. (2019), tiada variasi yang boleh dilihat dalam tahap kualiti GPI bergantung pada pengalaman mengajar guru, jantina atau kategori sekolah bandar berbanding luar bandar. Kes ini menunjukkan bahawa tidak kira jantina, klasifikasi bandar, luar bandar atau pengalaman mengajar, tahap kualiti GPI adalah sama. Keadaan ini mungkin adalah hasil daripada latihan yang dilalui oleh semua guru di peringkat institusi pendidikan mereka sebelum diambil sebagai guru.

Guru mesti mahir untuk menarik minat murid untuk belajar sambil menyampaikan kandungan pelajaran, membimbing mereka melalui aktiviti pembelajaran, menyelia murid supaya mereka mengawal diri, menggalakkan murid mengambil bahagian dalam sesi soal jawab untuk mendapatkan maklum balas, memberi penegasan dan menutup pelajaran dengan teknik yang bersesuaian (Kamarul & Ab. Halim, 2019).

Kebolehan memanipulasi ruang bilik darjah untuk aktiviti pengayaan dan pemulihan, aktiviti bacaan tambahan, perbualan, pembentangan, bercerita, latih tubi, tasmik, hafazan, *talaqqi musyafahah* dan aktiviti lain merupakan kemahiran yang harus dimiliki oleh guru. Guru yang berkemahiran akan mengingat dan membuat refleksi tentang aktiviti pendidikan yang telah disertai, menganalisis dan menilai impaknya serta mempertimbangkan cara untuk menyediakan dan menyesuaikannya supaya ia dapat digunakan dengan lebih berkesan dalam sesi pembelajaran yang akan datang (Abu Bakar Nordin, 2003).

Menurut kajian Aimi Hafizah (2017), tidak terdapat perbezaan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif antara guru yang lebih berpengalaman dengan guru yang kurang berpengalaman dan juga didapati bahawa pengalaman guru tidak mempengaruhi keberkesanan guru menggunakan pengajaran koperatif dan pembelajaran. Didapati juga penggunaan pengajaran dan pembelajaran koperatif di dalam kelas tidak terjejas oleh perbezaan jantina pengajar.

Melalui teknik pengajaran abad ke-21 yang berkesan, guru berperanan sebagai pencorak kepada kejayaan murid. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa penggunaan teknik dan kaedah pengajaran guru Tahfiz khususnya dalam penggunaan strategi dan kaedah pengajaran berada pada tahap yang sangat rendah (Mardhiah, 2017). Penubuhan subjek Maharat al-Quran bertujuan meningkatkan bacaan al-Quran, tajwid atau sebutan huruf murid, mendedahkan mereka kepada amalan Qiraat dan menyuruh mereka membaca al-Quran menggunakan Rasm Uthmani. Ini menunjukkan bahawa pengajaran guru pendidikan tahfiz mempunyai objektif menjaga kesucian al-Quran melalui kaedah hafazan setelah murid mampu membaca al-Quran dengan betul.



Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan dan mereka merupakan faktor utama dalam menentukan pendidikan berkualiti. Penggunaan bahan pengajaran yang kreatif juga telah terbukti dalam membantu guru KKQ mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik serta meningkatkan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan murid di dalam bilik darjah. Guru adalah berperanan penting dalam proses pendidikan dan keperibadian mereka menjadi ikutan kepada anak didik. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan bagi bagi mengenal pasti tahap kemahiran Ilmu Qiraat berdasarkan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Kelas Kemahiran al-Quran.

3.0 OBJEKTIF

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- (1) Mengetahui tahap kemahiran Ilmu Qiraat berdasarkan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Kelas Kemahiran al-Quran.

4.0 METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah kajian yang menggunakan reka bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan digunakan dalam pengumpulan data kerana kaedah ini merupakan kaedah yang sistematik, bebas dan mampu memberi maklumat yang relevan yang diperlukan dalam kajian ini. Tambahan pula kaedah ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana melibatkan responden yang ramai dalam mengukur pemboleh ubah bagi sesuatu penyelidikan (Krejcie & Morgan, 1970).

Dari segi sampel melibatkan beberapa buah sekolah di Kedah. Seramai 42 orang guru KKQ telah menjawab soal selidik yang ditadbirkan dengan menggunakan *Google Form*. Instrumen kajian yang dijalankan adalah soal selidik. Soal selidik dibina melalui ubah suai beberapa instrumen kajian lepas seperti Mohd Syaiful Naim et al., 2022; Norma & Mohd Isa, 2020; Razila et al., 2019. Instrumen soal selidik mengandungi 30 item dan empat dimensi kemahiran (merancang pengajaran, pelaksanaan proses pengajaran, pelaksanaan kaedah pengajaran dan refleksi). Tahap kemahiran diukur dengan skala likert 5 mata yang terdiri daripada “Sangat Tidak Mahir” kepada “Sangat Mahir”.

Pengumpulan data kajian rintis dianalisis menggunakan ujian statistik untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen. Item soal selidik perlu diuji kebolehgunaannya supaya instrumen yang digunakan adalah sesuai dan mampu menjawab persoalan kajian. Proses ini melibatkan kaedah kesahan dan kebolehpercayaan (Mohd Najib, 2003). Dalam kajian yang dilakukan ini, kebolehpercayaan instrumen ditentukan dengan menggunakan ketekalan dalaman *Cronbach Alpha*. Nilai *Cronbach Alpha* 0.6 atau lebih adalah diterima. Jika kebolehpercayaan bagi mana-mana item adalah rendah, penambahbaikan dan pemurnian instrumen akan dilakukan.



Hair et al. (2006) pula menjelaskan nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* sesuatu instrumen kajian boleh menunjukkan bahawa responden telah menjawab objektif yang ada dalam kajian tersebut dalam keadaan konsisten. Penjelasan kekuatan hubungan *Cronbach Alpha* tersebut dapat diperhatikan berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Indikator
< 0.6	Lemah
0.6 < 0.7	Sederhana
0.7 < 0.8	Baik
0.8 < 0.9	Sangat Baik
> 0.90	Terbaik

Sumber: Hair et al. (2006)

Berdasarkan Jadual 2 memperincikan analisis kebolehpercayaan nilai *Cronbach Alpha* berdasarkan kajian yang terdiri daripada sampel seramai 42 orang guru KKQ. Setiap elemen mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi antara 0.80-1.00. Kebolehpercayaan item-item mengikut elemen adalah sangat baik dan terbaik. Dalam kajian ini, indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi keseluruhan 30 item adalah ($\alpha = 0.938$). Terdapat empat elemen bagi kemahiran. Elemen pertama adalah kemahiran merancang pengajaran dengan nilai *Cronbach Alpha* iaitu ($\alpha = 0.962$), elemen kedua kemahiran pelaksanaan proses pengajaran ($\alpha = 0.956$), elemen ketiga kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran ($\alpha = 0.859$) dan elemen keempat kemahiran refleksi ($\alpha = 0.848$). Ini menunjukkan instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Hasil analisis menunjukkan bahawa secara keseluruhan instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang sangat baik dan terbaik kerana nilai *Cronbach Alpha* bagi semua elemen berada dalam julat 0.848 sehingga 0.962.

Jadual 2: Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis

No	Elemen Kemahiran	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Bilangan Item
01.	Merancang pengajaran	0.962	09
02.	Pelaksanaan proses pengajaran	0.956	10
03.	Pelaksanaan kaedah pengajaran	0.859	08
04.	Refleksi	0.848	03
Keseluruhan		0.938	30

Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0 digunakan untuk menganalisis data kajian. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi menjelaskan tahap kemahiran bagi setiap elemen.



Bagi menghuraikan objektif kajian, penyelidik telah mengguna pakai interpretasi min seperti yang dicadangkan oleh Nunnally dan Bernstein (1994). Dalam kajian ini, interpretasi skor min menggunakan skala Likert 5 mata yang dibahagikan kepada empat peringkat sahaja dan diinterpretasikan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
4.01 hingga 5.00	Tinggi
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
1.00 hingga 2.00	Rendah

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

5.0 DAPATAN

Kajian dijalankan adalah berdasarkan objektif yang disenaraikan sebelum ini. Dapatan ini terbahagi kepada empat elemen iaitu tahap kemahiran merancang pengajaran, tahap kemahiran pelaksanaan proses pengajaran, tahap kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran dan tahap kemahiran refleksi.

5.1 Tahap Kemahiran Ilmu Qiraat

Terdapat empat elemen dalam kemahiran. Elemen pertama adalah kemahiran merancang pengajaran, elemen kedua adalah kemahiran pelaksanaan proses pengajaran, elemen ketiga adalah kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran dan elemen keempat adalah kemahiran refleksi. Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan skor min tahap kemahiran Ilmu Qiraat berdasarkan keempat-empat elemen berada pada tahap sederhana tinggi iaitu ($\text{min}=3.84$, $\text{SP}=.50$). Daripada keempat-empat elemen tersebut, didapati bahawa kemahiran pelaksanaan proses pengajaran memperoleh skor min tertinggi iaitu ($\text{min}=3.87$, $\text{SP}=.62$), diikuti dengan kemahiran merancang pengajaran ($\text{min}=3.86$, $\text{SP}=.71$), diikuti kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran ($\text{min}=3.82$, $\text{SP}=.56$) dan diakhiri dengan kemahiran refleksi ($\text{min}=3.81$, $\text{SP}=.74$).

Jadual 4: Tahap Kemahiran Ilmu Qiraat

No	Elemen Kemahiran	Min	S.P
01.	Merancang Pengajaran	3.86	.71
02.	Pelaksanaan Proses Pengajaran	3.87	.62
03.	Pelaksanaan Kaedah Pengajaran	3.82	.56
04.	Refleksi	3.81	.74
	Keseluruhan	3.84	.50



5.2 Kemahiran Merancang Pengajaran

Bagi elemen merancang pengajaran, terdapat 9 item telah digariskan untuk disoal selidik. Jadual 5 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi elemen kemahiran merancang pengajaran.

Dalam elemen ini, terdapat satu item berada pada nilai interpretasi min tinggi. Item tersebut ialah item pertama 'Saya merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran Ilmu Qiraat' (min=4.17, SP=.76). Bagi pernyataan item tersebut menunjukkan 40.5% responden mahir, 38.1% responden sangat mahir manakala 21.4% responden sahaja yang kurang mahir dengan pernyataan tersebut. Item yang mencatat min terendah antara 9 item ini ialah item keenam 'Saya membina bahan bantu mengajar yang sesuai bagi pengajaran Ilmu Qiraat' (min=3.50, SP=.97). Item tersebut menunjukkan 38.1% responden mahir dengan pernyataan tersebut, 33.3% responden kurang mahir, 14.3% responden sangat mahir, 11.9% responden tidak mahir manakala hanya 2.4% responden sahaja yang sangat tidak mahir dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa guru KKQ memiliki pengetahuan yang berbeza daripada segi kemahiran merancang pengajaran.

Min keseluruhan semua item bagi kemahiran merancang pengajaran ialah 3.86 dengan sisihan piawai (SP) .71 berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi (min 3.01 - 4.00). Kajian ini telah membuktikan bahawa kemahiran merancang pengajaran merupakan komponen yang perlu dikuasai oleh semua guru KKQ.

Dapatan secara keseluruhan menunjukkan tahap kemahiran merancang pengajaran berada pada sederhana tinggi. Ini kerana isi pelajaran yang dibuat oleh guru tidak mencapai objektif mengikut tahap kebolehan seseorang murid. Kesimpulannya guru KKQ masih belum mencapai tahap yang sepatutnya bagi memastikan ilmu berkaitan kemahiran Ilmu Qiraat dapat dikuasai dengan sepenuhnya oleh guru.

Jadual 5: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min bagi Tahap (Kemahiran Merancang Pengajaran)

No	Item Kemahiran Merancang Pengajaran	STM	TM	KM	M	SM	Min	S.P	Interpretasi
01.	Saya merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran Ilmu Qiraat.	0 0.0%	0 0.0%	9 21.4%	17 40.5%	6 38.1%	4.17	.76	Tinggi
02.	Saya menyediakan rancangan mengajar untuk pembelajaran Ilmu Qiraat.	0 0.0%	0 0.0%	11 26.2%	17 40.5%	14 33.3%	4.07	.78	Tinggi
03.	Saya menentukan hasil pembelajaran mengikut kehendak sukatan pelajaran Ilmu Qiraat.	0 0.0%	2 4.8%	9 21.4%	17 40.5%	14 33.3%	4.02	.87	Tinggi
04.	Saya menyesuaikan isi kandungan dengan	0 0.0%	1 2.4%	9 21.4%	23 54.8%	9 21.4%	3.95	.73	Sederhana Tinggi

05.	kebolehan murid. Saya memilih bahan bantu mengajar yang sesuai bagi pengajaran Ilmu Qiraat.	0 0.0%	1 2.4%	16 38.1%	16 38.1%	9 21.4%	3.79	.81	Tinggi
06.	Saya membina bahan bantu mengajar yang sesuai bagi pengajaran Ilmu Qiraat.	1 2.4%	5 11.9%	14 33.3%	16 38.1%	6 14.3%	3.50	.97	Sederhana Tinggi
07.	Saya merancang strategi pengajaran Ilmu Qiraat yang bertepatan dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai.	0 0.0%	2 4.8%	13 31.0%	21 50.0%	6 14.3%	3.74	.77	Sederhana Tinggi
08.	Saya memilih kaedah pengajaran Ilmu Qiraat yang sesuai dengan kebolehan murid.	0 0.0%	1 2.4%	12 28.6%	20 47.6%	9 21.4%	3.88	.77	Sederhana Tinggi
09.	Saya merancang pelbagai aktiviti Pdp Ilmu Qiraat.	0 0.0%	3 7.1%	15 35.7%	18 42.9%	6 14.3%	3.64	.82	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							3.86	.71	Sederhana Tinggi

$n = 42$

5.3 Kemahiran Pelaksanaan Proses Pengajaran

Bagi elemen kemahiran pelaksanaan proses pengajaran, terdapat 10 item yang telah digariskan untuk disoal selidik. Jadual 6 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi elemen kemahiran pelaksanaan proses pengajaran.

Terdapat dua item yang mempunyai nilai min yang paling tinggi antara kesemua item bagi elemen ini adalah item keenam ‘Memberi ruang kepada murid untuk mengemukakan idea mereka’ (min=3.93, SP=.71) dan item kelapan ‘Mampu memberi bantuan kepada murid yang memerlukan bantuan interpersonal’ (min=3.93, SP=.75) manakala item pertama mencatat skor min terendah ‘Memulakan pengajaran Ilmu Qiraat dengan menggunakan set induksi’ (min=3.69, SP=.72). Bagi pernyataan item keenam menunjukkan 57.1% responden mahir dengan pernyataan tersebut, 21.4% responden kurang mahir, 19.0% responden sangat mahir manakala hanya 2.4% responden tidak mahir dengan pernyataan tersebut. Bagi pernyataan item kelapan pula menunjukkan 59.5% responden mahir dengan pernyataan tersebut, 19.0% responden sangat mahir, 16.7% responden kurang mahir manakala hanya 4.8% responden tidak mahir dengan pernyataan tersebut.

Bagi pernyataan item pertama pula menunjukkan 54.8% responden mahir dengan pernyataan tersebut, 31.0% responden kurang mahir, 9.5% responden sangat mahir manakala hanya 4.8% responden tidak mahir dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan masih terdapat segelintir guru KKQ yang mempunyai kemahiran yang kurang mencukupi dalam bidang Ilmu Qiraat. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara antara responden yang mempunyai kemahiran yang mencukupi dalam Ilmu Qiraat dengan responden yang kurang berkemahiran dalam Ilmu Qiraat kerana interpretasi min bagi kedua-dua jenis tahap ini berada pada tahap



sederhana tinggi.

Berdasarkan Jadual 6, min keseluruhan semua item bagi kemahiran pelaksanaan proses pengajaran ialah 3.87 dengan sisihan piawai .62 berada pada tahap interpretasi min sederhana tinggi (3.01 – 4.00). Selain itu, hasil dapatan juga menunjukkan kemahiran pelaksanaan proses pengajaran guru KKQ hanya berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min di antara 3.69 hingga 3.93.

Keseluruhannya, dapatan ini menjelaskan bahawa kemahiran pelaksanaan proses pengajaran Ilmu Qiraat guru KKQ hanya berada pada tahap sederhana tinggi. Kesimpulan daripada dapatan ini menunjukkan masih terdapat guru KKQ yang kurang mahir dalam melaksanakan aktiviti yang sesuai dengan pengajaran Ilmu Qiraat. Mereka tidak dapat melaksanakan proses pengajaran dengan baik agar selari dengan objektif pembelajaran.

Jadual 6: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min bagi Tahap (Kemahiran Pelaksanaan Proses Pengajaran)

No	Item Kemahiran Pelaksanaan Proses Pengajaran	STM	TM	KM	M	SM	Min	S.P	Interpretasi
01.	Memulakan pengajaran Ilmu Qiraat dengan menggunakan set induksi.	0 0.0%	2 4.8%	13 31.0%	23 54.8%	4 9.5%	3.69	.72	Sederhana Tinggi
02.	Memastikan setiap langkah pengajaran Ilmu Qiraat dilaksanakan dengan teratur dan baik.	0 0.0%	2 4.8%	8 19.0%	26 61.9%	6 14.3%	3.86	.72	Sederhana Tinggi
03.	Melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran Ilmu Qiraat.	0 0.0%	1 2.4%	9 21.4%	25 59.5%	7 16.7%	3.90	.70	Sederhana Tinggi
04.	Melaksanakan aktiviti yang sesuai dengan pengajaran Ilmu Qiraat.	0 0.0%	1 2.4%	9 21.4%	25 59.5%	7 16.7%	3.90	.70	Sederhana Tinggi
05.	Membahagikan murid kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti pengajaran Ilmu Qiraat.	0 0.0%	1 2.4%	10 23.8%	24 57.1%	7 16.7%	3.88	.71	Sederhana Tinggi
06.	Memberi ruang kepada murid untuk mengemukakan idea mereka.	0 0.0%	1 2.4%	9 21.4%	24 57.1%	8 19.0%	3.93	.71	Sederhana Tinggi
07.	Memberi ruang yang luas kepada murid mengemukakan dapatan yang diperolehi.	0 0.0%	1 2.4%	11 26.2%	24 57.1%	6 14.3%	3.83	.70	Sederhana Tinggi
08.	Mampu memberi bantuan kepada murid yang memerlukan bantuan interpersonal.	0 0.0%	2 4.8%	7 16.7%	25 59.5%	8 19.0%	3.93	.75	Sederhana Tinggi
09.	Merangsang minat murid mencari maklumat yang	0 0.0%	2 4.8%	10 23.8%	20 47.6%	10 23.8%	3.90	.82	Sederhana Tinggi

10.	dikehendaki. Memberikan maklumat tentang sumber-sumber rujukan daripada buku atau internet yang boleh diakses oleh murid.	0 0.0%	2 4.8%	10 23.8%	23 54.8%	7 16.7%	3.83	.76	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							3.87	.62	Sederhana Tinggi

$n = 42$

5.4 Kemahiran Pelaksanaan Kaedah Pengajaran

Bagi elemen kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran pula, terdapat 8 item yang telah digariskan untuk disoal selidik. Jadual 7 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi elemen kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran.

Berdasarkan Jadual 7, terdapat satu item yang mempunyai nilai min yang paling tinggi dalam elemen ini, iaitu item ketujuh 'Saya mahir menjalankan aktiviti *talaqqi* dan *musyafahah* semasa sesi PdPc Ilmu Qiraat' (min=4.31, SP=.64). Bagi pernyataan item ketujuh menunjukkan 50.0% responden mahir dengan pernyataan tersebut, 40.5% responden sangat mahir manakala hanya 9.5% responden kurang mahir dengan pernyataan tersebut.

Item kelapan mencatat item yang mempunyai nilai min yang paling rendah bagi elemen ini iaitu 'Saya mahir menjalankan aktiviti perbincangan berkumpulan kepada murid semasa sesi PdPc Ilmu Qiraat' (min=2.69, SP=1.05). Bagi pernyataan item kelapan ini, 47.6% responden kurang mahir dengan pernyataan tersebut, 19.0% responden tidak mahir, 16.7% responden sangat tidak mahir, 11.9% responden mahir manakala hanya 4.8% responden menyatakan sangat mahir dengan pernyataan tersebut.

Min keseluruhan bagi semua item kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran adalah 3.82 dengan sisihan piawai .56 berada pada tahap interpretasi min sederhana tinggi (3.01 – 4.00). Selain itu, hasil dapatan juga menunjukkan kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran guru KKQ hanya berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min di antara 2.69 hingga 4.31.

Dapatan ini menjelaskan bahawa tidak semua guru KKQ mahir dalam semua kaedah pengajaran yang dilaksanakan kerana secara keseluruhannya, tahap kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran guru KKQ adalah sederhana tinggi dan masih belum mencapai tahap yang sepatutnya bagi memastikan ilmu berkaitan kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran Ilmu Qiraat dapat dikuasai sepenuhnya. Dengan itu, guru KKQ perlu lebih kerap mengaplikasikan semua kaedah dan teknik yang ada dalam setiap PdP agar harapan melahirkan modal insan cemerlang di masa akan datang dapat direalisasikan. Oleh hal ini, pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Pendidikan Negeri perlulah memberi kursus-kursus yang bersesuaian agar kemahiran pelaksanaan kaedah pengajaran guru KKQ dapat ditingkatkan.

Jadual 7: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min bagi Tahap
(Kemahiran Pelaksanaan Kaedah Pengajaran)

No	Item	Kemahiran Pelaksanaan Kaedah Pengajaran	STM	TM	KM	M	SM	Min	S.P	Interpretasi
01.	Saya menggunakan kaedah latihan tubi semasa sesi PdP Ilmu Qiraat.	mahir	0 0.0%	0 0.0%	9 21.4%	22 52.4%	11 26.2%	4.05	.70	Tinggi
02.	Saya menjalankan aktiviti murid dalam pembentangan berkumpulan semasa sesi PdP Ilmu Qiraat.	mahir	1 2.4%	2 4.8%	16 38.1%	17 40.5%	6 14.3%	3.60	.89	Sederhana Tinggi
03.	Saya mengadakan aktiviti murid dalam kaedah simulasi/lakon semula yang melibatkan cara bacaan Qiraat semasa sesi PdP Ilmu Qiraat.	mahir	0 0.0%	3 7.1%	18 42.9%	16 38.1%	5 11.9%	3.55	.80	Sederhana Tinggi
04.	Saya menggunakan kaedah tasmik semasa sesi PdP Ilmu Qiraat.	mahir	0 0.0%	1 2.4%	3 7.1%	22 52.4%	16 38.1%	4.26	.70	Tinggi
05.	Saya menggunakan kaedah peta minda semasa sesi PdP Ilmu Qiraat.	mahir	0 0.0%	2 4.8%	12 28.6%	19 45.2%	9 21.4%	3.83	.82	Sederhana Tinggi
06.	Saya mahir dalam menjalankan kaedah hafazan kepada murid semasa sesi PdP Ilmu Qiraat.	mahir	0 0.0%	0 0.0%	5 11.9%	22 52.4%	15 35.7%	4.24	.66	Tinggi
07.	Saya menjalankan aktiviti talaqqi dan musyafahah semasa sesi PdP Ilmu Qiraat.	mahir	0 0.0%	0 0.0%	4 9.5%	21 50.0%	17 40.5%	4.31	.64	Tinggi
08.	Saya menjalankan aktiviti perbincangan berkumpulan kepada murid semasa sesi PdP Ilmu Qiraat.	mahir	7 16.7%	8 19.0%	20 47.6%	5 11.9%	2 4.8%	2.69	1.05	Sederhana Rendah
Keseluruhan								3.82	.56	Sederhana Tinggi

$n = 42$



5.5 Kemahiran Refleksi

Bagi elemen kemahiran refleksi pula, terdapat 3 item yang telah digariskan untuk disoal selidik. Jadual 8 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi elemen refleksi.

Berdasarkan Jadual 8, terdapat satu item yang mempunyai nilai min yang paling tinggi dalam elemen ini, iaitu item pertama ‘Memberikan refleksi kepada murid selepas pengajaran Ilmu Qiraat’ (min=3.88, SP=.83). Bagi pernyataan item pertama menunjukkan 45.2% responden mahir dengan pernyataan tersebut, 26.2% responden kurang mahir, 23.8% responden sangat mahir manakala hanya 4.8% responden menyatakan tidak mahir dengan pernyataan tersebut.

Item kedua mencatat item yang mempunyai nilai min yang paling rendah bagi elemen ini iaitu ‘Memberi penilaian terhadap hasil perbincangan yang dibentangkan murid’ (min=3.74, SP=.86). Bagi pernyataan item kedua ini, 42.9% responden mahir dengan pernyataan tersebut, 31.0% responden kurang mahir, 19.0% responden sangat mahir manakala hanya 7.1% responden menyatakan tidak mahir dengan pernyataan tersebut. Min keseluruhan bagi semua item kemahiran refleksi adalah 3.81 dengan sisihan piawai .74 berada pada tahap interpretasi min sederhana tinggi (3.01 – 4.00). Selain itu, hasil dapatan juga menunjukkan kemahiran refleksi guru KKQ hanya berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min di antara 3.74 hingga 3.88.

Kesimpulan daripada dapatan ini menunjukkan tahap kemahiran refleksi guru KKQ berada pada sederhana tinggi. Ini kerana masih terdapat guru KKQ yang kurang mahir dalam membuat penilaian terhadap hasil pembelajaran. Mereka mungkin kurang pendedahan terhadap ilmu yang berkaitan dengan pengajaran Ilmu Qiraat. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Pendidikan Negeri perlulah memberi kursus-kursus yang bersesuaian agar kemahiran refleksi pengajaran abad ke-21 Ilmu Qiraat guru KKQ dapat ditingkatkan.

Jadual 8: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min bagi Tahap (Kemahiran Refleksi)

No	Item Kemahiran Refleksi	STM	TM	KM	M	SM	Min	S.P	Interpretasi
01.	Memberikan refleksi kepada murid selepas pengajaran Ilmu Qiraat.	0 0.0%	2 4.8%	11 26.2%	19 45.2%	10 23.8%	3.88	.83	Sederhana Tinggi
02.	Memberi penilaian terhadap hasil perbincangan yang dibentangkan murid.	0 0.0%	3 7.1%	13 31.0%	18 42.9%	8 19.0%	3.74	.86	Sederhana Tinggi
03.	Saya boleh melaksanakan prinsip-prinsip penyoalan menerusi pendekatan berpusatkan murid.	0 0.0%	2 4.8%	13 31.0%	18 42.9%	9 21.4%	3.81	.83	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							3.81	.74	Sederhana Tinggi

n = 42



6.0 KESIMPULAN

Pendidikan al-Quran pastinya amat luas dan sangat mendalam daripada itu kerana al-Quran adalah bermukjizat, menjadi panduan ummah serta mendidik manusia untuk kesejahteraan dunia dan akhirat. Ilmu Qiraat adalah suatu ilmu yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan al-Quran dan merupakan salah satu khazanah ilmu umat Islam yang sangat berharga. Setiap guru KKQ perlu berkemahiran dalam bidang Ilmu Qiraat agar proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna.

Bagi mengaplikasikan kurikulum Qiraat dengan lebih konsisten dan berkesan, ia perlu diajar oleh guru yang berpengetahuan dalam bidang Qiraat dan mahir menggunakan kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran yang khusus. Oleh kerana kedua-duanya iaitu al-Quran dan Qiraat adalah Sunnah Muttaba', seorang pendidik yang mursyid diperlukan untuk mempelajari Qiraat (al-Suyuti, 1996).

Bidang pendidikan sentiasa mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Justeru, guru-guru KKQ perlulah memainkan peranan dalam memastikan aspek kemahiran dalam PdPc mereka sentiasa relevan dan terkini sesuai mengikut peredaran semasa bagi memastikan bidang pendidikan di negara kita berada pada tahap yang tertinggi. Justeru, guru KKQ khususnya harus bersikap proaktif dengan berusaha menambah ilmu kemahiran berkenaan bidang yang diajar melalui kursus-kursus, forum ilmu dan juga melalui pembacaan ilmiah bagi mengelakkan mereka daripada terus ketinggalan tanpa sebarang perkembangan ilmu.

Sebagai pelaksana amalan kurikulum, guru harus berkemahiran dalam memastikan proses pengajaran yang dirancang dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Oleh itu, untuk memastikan keberkesanan proses pengajaran di dalam kelas, guru perlu menyediakan perancangan yang baik dalam segenap aspek berkaitan kemahiran tersebut. Secara tidak langsung, kelemahan yang timbul dapat dikenal pasti dan diatasi. Dengan ini, akan dapat melahirkan modal insan dalam kalangan guru KKQ yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosialnya yang mampu menjadi khalifah yang dapat memakmurkan alam ini.

Besarliah harapan agar kajian ini dapat menambahkan lagi input yang bermanfaat kepada kemahiran Ilmu Qiraat dalam kalangan guru KKQ di Malaysia seterusnya dapat meletakkan mata pelajaran KKQ pada satu tahap yang sepatutnya dalam hierarki sistem pendidikan di Malaysia sesuai dengan keperluan sejagat.

RUJUKAN

- Abdul Jalal Abdul Manaf. (2019). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat Peringkat Diploma Di Malaysia*. [Tesis PhD Tidak Diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.
- Abu Bakar Nordin, & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Aimi Hafizah. (2017). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif berasaskan abad ke-21: Satu tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas*. [Tesis Sarjana]. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



- Azmil Hashim, & Jahidih Sali. (2015). Hubungan Antara Tahap Kemahiran Al-Quran Guru dan Pencapaian Tajwid Al-Quran Pelajar KKQ di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 144-151.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2006). *Multivariate data analysis* (Vol. 6). Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Jessica Dora Henry, & Zamri Mahamod. (2021). Penerapan amalan kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan komunikasi (4K) pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 239-248.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2019). Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Skudai: Penerbit UTM.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mardhiah Yahaya. (2017). Pelaksanaan modul pengajaran tahfiz (modul quranik) di MRSM Ulul Albab. Seminar Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran. Selangor: Darul Quran.
- Mashira Yahaya, Rosyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman, & Khairul Anuar Bahrain. (2019). Amalan pembelajaran abad ke-21 (pak21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPDA, Bil. 26*.
- Mohd Faez Illias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman. (2017). Penilaian terhadap perlaksanaan sistem latihan guru-guru sekolah rendah agama JAIS. In 4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) (pp. 1–23). Selangor.
- Mohd Najib Abd. Ghafar. (2003). *Rekabentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Syakir Moktar, & Mohd Farid Mohd Sharif. (2021). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Tilawah Al-Quran. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 32(1), 153-174. <https://doi.org/10.51200/manu.vi.3280>.
- Mohd Syaiful Naim Shaedi, Mohd Faizulamri Mohd Saad, & Sabri Mohamad. (2022). *Tahap kompetensi guru Qiraat di Negeri Sembilan dalam pengajaran*. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 8(1), 47-61.
- Muhammad Sabri Sahrir, Nurulhuda Osman, & Ilyani Syuham Muhammad. (2020). Aplikasi 'konsep 4c' pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelajar sarjana mod pengajian Pendidikan Bahasa Arab cuti sekolah UIAM. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(1), 12-22.



- Norma Jusof, & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kemahiran guru Pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: Satu analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1–26.
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric Theory*. 3rd Edition. New York: McGraw Hill.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila, & Mashita Abu Hassan. (2019). Amalan kualiti guru dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research*, 1(4), 1-23.
- Rohani Seman, Amani Dahaman, & Norhayati Yahaya. (2019). Pembelajaran abad ke-21, amalan 4k 1n berasaskan Modul MJSASFC dalam kalangan guru-guru Pendidikan Asas Vokasional (PAV) Zon Utara. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan di Auditorium Dr. Zainuddin Jaafar, KUIS, 29 Ogos 2019.
- Al-Suyutiy, Jalaluddin ‘Abdal-Rahman. (1996). *Al-Itqan fi‘ulum al-Quran*. Damshiq, Beirut. Dar Ibn al-Kathir Lit Tiba‘ah wa Nashr wa-Tawzi‘.